

FPP BizNewz

eISSN 2600-9811

June - November 2021

INVESTMENT MANAGEMENT ECONOMICS MARKETING TECHNOLOGY

MERDEKA

EKONOMI 2021

ANXIETY DISORDER

Jangan Ambil Mudah

Do We Look Older Or Younger
Than We Really Are?

SOLAH

A Testimony of Success

MUSLIM FRIENDLY TOURISM

The Promising Tourism Segments For Malaysia

To Online
Or Not?

JEBAT
Si Maine Coon

Photo by Polina Kuzovkova on Unsplash



Suzila Mat Salleh, Hani Sakina Mohamad Yusuf, INoor Hafiza Mohammed & Siti Fatimah Mardiah Hamzah

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Terengganu.

Pembinaan lebuh raya Pan Borneo merupakan projek mega yang melibatkan pembinaan yang menghubungkan Sarawak, Brunei dan Sabah. Projek ini merupakan projek usaha sama antara negara Malaysia dan Brunei. Antara bahagian yang menghubungkan Sarawak, Sabah dan Brunei adalah bahagian Lwas-Temburong (Brunei) yang telah siap pembinaannya pada 1997. Panjang keseluruhan sistem lebuh raya tersebut dianggarkan sepanjang lebih kurang 2,239km. Pembinaan bahagian-bahagian jalan yang lain diteruskan oleh kerajaan. Pembinaannya bertujuan untuk meningkatkan jaringan hubungan antara penduduk di kawasan pedalaman dan bandar. Ia juga bagi memberi kemudahan kepada penduduk untuk menjalankan aktiviti ekonomi dan sosial secara efektif serta dapat meningkatkan sosioekonomi masyarakat setempat. Contohnya, masyarakat setempat yang mempunyai keluaran pasaran produk tempatan mendapat manfaat yang lebih berbanding mereka yang menjalankan aktiviti perniagaan berskala kecil (Rammelt & Leung 2017).

Disebalik perkembangan pembinaan lebuh raya Pan Borneo ini, kajian yang dijalankan oleh Rosniza dan Valentino (2020) mendapati pelbagai masalah yang timbul akibat dari pembinaan lebuh raya tersebut. Antaranya adalah penduduk berhampiran perlu berpindah dan mereka terpaksa mengeluarkan kos untuk tempat tinggal baru, mengganggu aktiviti harian penduduk dan memberi impak kepada sumber pendapatan penduduk

apabila kawasan pertanian diambil di mana mereka terpaksa mencari kawasan pertanian yang baru.

Selain dari kesan sosial, kesan yang paling ketara akibat pembinaan lebuh raya Pan Borneo ini adalah ekosistem iaitu habitat flora dan fauna di kawasan tersebut. Menurut Salina Yahya dan Roziah Che Musa (2020), pembinaan lebuh raya akan menyebabkan penebangan hutan, pemotongan dan penggondolan bukit. Akibat penebangan hutan dengan kadar yang luas juga boleh menyebabkan kemusnahan hidupan flora dan fauna. Contohnya, pemotongan bukit untuk membuat terowong lebuh raya boleh menyebabkan penurunan paras air bawah tanah. Air dari sistem ini akan mengalir keluar dan menyebabkan tanah runtuh.

Dalam sebuah laporan berita berkaitan dengan pembinaan lebuh raya Pan Borneo, pakar hidupan liar, Benoit Goossens memberi peringatan mengenai kesan pembinaannya kepada manusia dan haiwan sekiranya berlaku penebangan hutan yang boleh menyebabkan haiwan seperti gajah dan beruang madu berpindah ke kawasan lain dan mengganggu habitat haiwan tersebut. Sebagai contoh gajah merupakan binatang yang biasanya menggunakan laluan yang menjadi kebiasaan baginya dan laluan-laluan ini digunakan dari generasi ke generasi. Gajah akan menggunakan laluan yang sama walaupun laluan tersebut telah bertukar kepada jalan raya. Perkara ini menimbulkan konflik antara gajah dan manusia. Oleh itu pembangunan

DI SEBALIK PEMBINAAN LEBUH RAYA PAN BORNEO

secara lestari perlulah dilakukan demi menjaga khazanah fauna kita yang semakin pupus ditelan dek zaman.

Pertubuhan Bukan Kerajaan seperti WWF dan beberapa pertubuhan bukan kerajaan yang lain telah mengambil inisiatif mengemukakan cadangan kepada kerajaan negeri Sabah mengenai cadangan jalan alternatif bagi mengurangkan impak yang berlaku kepada hidupan fauna dan biodiversiti.

Cadangan yang dikemukakan ini mendapat perhatian daripada Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal dan beliau menegaskan jalan sedia ada akan dibesarkan daripada membina jalan baru demi menjaga kepentingan alam sekitar. Menurut beliau lagi, walaupun pembinaan kemudahan lebuh raya adalah untuk kepentingan penduduk Sabah namun ia seharusnya tidak melibatkan penebangan pokok atau penarahan bukit yang boleh menjejaskan hutan di Sabah. Pembinaan lebuh raya Pan Borneo akan menjadi lebih cepat pembinaannya dan menjimatkan kos kerana ia melibatkan kerja-kerja pelebaran jalan raya sedia ada tanpa perlu membuka laluan baharu yang mengambil masa bagi proses pengambilan tanah. Datuk Seri Fadillah Yusof (Menteri Kanan Kerja Raya) juga menjelaskan bahawa sepanjang 18km pembinaan jalan yang ditetapkan oleh Jabatan Hutan adalah tidak lebih daripada dua lorong pembinaannya demi memastikan flora dan fauna tidak mengalami kemusnahan.

Namun, adalah diharapkan pembinaan lebuh raya Pan Borneo ini memberi keuntungan bukan sahaja kepada rakyat malah dapat mengekalkan keindahan flora dan fauna yang tidak dapat diganti walau seribu tahun lamanya. Sebagai rakyat Malaysia yang inginkan khazanah alam dapat dikecapi hingga ke generasi akan datang, bersama-sama kita berusaha untuk mengekalkan keindahan semulajadi dengan menjaga khazanah yang diberikan ini dan melaporkan sebarang ketirisan atau penebangan yang melanggar undang-undang negara demi kesejahteraan dan kenikmatan yang dapat kita kecapi ini berkekalan.

RUJUKAN

- Agnes Tugong (5 Februari 2016). Pembinaan Lebuh Raya Pan Borneo lancar. <https://www.utusanborneo.com.my/2016/02/05/pembinaan-lebuh-raya-pan-borneo-lancar>
- Bernama (21 Mac 2019). Pan Borneo tak jejas hutan simpan: Shafie. Sinar Harian. <https://www.sinarharian.com.my/article/19373/EDISI/Sabah-Sarawak/Pan-Borneo-tak-jejas-hutan-simpan-Shafie>
- Elaine Clara Mah (2019). Behind the scenes, The Pan Borneo Highway: In Search of Middle Ground. Green Heart. Issue 3 (page 5-6)
- Kepu Sidi (11 September 2021). Pembinaan Lebuhraya Pan Borneo hadapi pelbagai cabaran besar. <https://www.utusanborneo.com.my/2021/09/11/pembinaan-lebuhraya-pan-borneo-hadapi-pelbagai-cabaran-besar>
- Rammelt, C. F. & Leung, M. W. H. 2017. Tracing The Causal Loops Through Local Perceptions of Rural Road Impacts in Ethiopia World Dev. 95 1-14.
- Rosniza Aznie Che Rose and Valentino Kerish Anak Imau (2020) Impak Sosioekonomi Lebuhraya Pan Borneo terhadap Komuniti Tempatan. Akademika 90(1), April 2020: 123-136. <https://doi.org/10.17576/akad-2020-9001-11>
- Salina Yahya dan Roziah Che Musa (2020). Pembinaan lebuhraya dan kesannya ke atas Alam sekitar. http://www.ukm.my/zuhairi/Pengajaran/internet_projects/stag3042/sesi%202002_03/lebuhraya.htm
- Sumber diperolehi di https://ms.wikipedia.org/wiki/Lebuhraya_Pan_Borneo





Photo by Polina Kuzovkova on Unsplash